



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

KERAJAAN AKAN MENGUKUHKAN KERJASAMA DENGAN PEMAIN INDUSTRI SARUNG TANGAN GETAH KE ARAH MENCAPAI SASARAN SIFAR BURUH PAKSA MENJELANG 2030

1. Pada 21 September 2023, YB Timbalan Menteri Sumber Manusia telah menyampaikan ucapan bersempena persidangan pertama Responsible Glove Alliance (RGA). Persidangan yang dianjurkan oleh Responsible Business Alliance (RBA) dan RGA tersebut telah dihadiri lebih dari 200 peserta daripada wakil Kerajaan, syarikat-syarikat sarung tangan getah di Malaysia, badan antarabangsa serta kedutaan Amerika Syarikat dan United Kingdom.
2. Semasa sesi ucapan tersebut, YB Timbalan Menteri Sumber Manusia telah merakamkan penghargaan dan ucapan tahniah di atas kejayaan penubuhan RGA sebagai salah satu usaha untuk membasmi isu buruh paksa di dalam rantai sektor sarung tangan getah di Malaysia. Kerajaan turut menguar-uarkan inisiatif semasa yang telah dilaksanakan sebagai komitmen Kerajaan dalam memastikan sifar buruh paksa menjelang 2030. YB Timbalan Menteri Sumber Manusia turut mengumumkan Syarikat Supermax Glove Manufacturing telah dikeluarkan daripada status Perintah Tahanan Pelepasan oleh Jabatan Kastam dan Perlindungan Sempadan Amerika Syarikat pada 18 September 2023.
3. Dalam hal ini, Kementerian Sumber Manusia mencadangkan agar kerjasama awam swasta dapat diwujudkan diantara kerajaan, majikan, organisasi pekerja dan perniagaan untuk melaksanakan penilaian risiko bagi menentukan tahap eksploitasi dalam industri. KSM yakin bahawa inisiatif ini adalah merupakan satu keperluan untuk memastikan semua syarikat di Malaysia terutamanya yang

berada dalam rantaian bekalan global bebas daripada buruh paksa atau sebarang pelanggaran hak asasi manusia.

Dikeluarkan oleh:

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
PUTRAJAYA
26 SEPTEMBER 2023**